

Pola Dorongan Sosial Terhadap Konsistensi Niat Menderma Darah Bagi Penderma Darah Awalan (PDA) Dan Penderma Darah Mapan (PDM)

Juliana Rosmidah Jaafar

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
juliana.rosmidah@gmail.com

Chong Sheau Tsuey

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
stchong@ukm.edu.my

Asmawati Desa

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
asma@ukm.edu.my

Khadijah Alavi

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
khadijahalavi@gmail.com

Wooi-Seong Kam

Pusat Darah Negara, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, Malaysia
kws78@yahoo.com

ABSTRAK

Pemupukan niat menderma darah yang konsisten adalah penting untuk menjadikan seseorang terlibat dalam aktiviti ini secara berterusan. Antara faktor yang dapat menggalakkan seseorang mempunyai niat berterusan untuk menderma darah adalah melalui motivasi psikologikal yang kukuh, seperti sikap positif, keyakinan diri dan mempunyai kawalan terhadap persepsi masyarakat. Namun begitu, seseorang penderma darah tidak boleh bergantung semata-mata terhadap faktor psikologikal kerana aspek ini tidak bersifat tekal dan boleh berubah mengikut penilaian dalaman seseorang. Oleh itu, diandaikan bahawa penderma darah memerlukan dorongan daripada jaringan sosial sebagai agen sosial untuk membantu mereka mengekalkan konsistensi niat menderma darah melalui pengukuhan motivasi psikologikal. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk meneroka aspek dorongan jaringan sosial terhadap konsistensi niat menderma darah bagi kumpulan Penderma Darah Awalan (PDA) dan Penderma Darah Mapan

(PDM). Data kajian ini diperolehi melalui dua belas siri temubual separa struktur terhadap 20 orang penderma darah. Responden yang dipilih secara persampelan bertujuan merupakan penderma darah di Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur. Jumlah keseluruhan pendermaan darah bagi responden kajian adalah berjulat antara enam hingga 66 kali. Data temubual dianalisis menggunakan kaedah analisis bertema. Hasil kajian mendapati bahawa semua responden mempunyai konsistensi niat menderma darah. Kajian ini turut mendapati bahawa wujud pola dorongan sosial yang berbeza antara PDA dan PDM. Bagi PDA, didapati bahawa pola dorongan sosial adalah dalam bentuk dwi-hala, di mana PDA dan individu lain dalam jaringan sosial saling memberi dorongan untuk menderma darah. Tindakan saling mendorong ini dilihat sebagai agen pemupukan aspek psikologikal dan konsistensi niat menderma darah bagi kumpulan PDA. Selain itu, kumpulan PDA juga mempamerkan pola dorongan sehalu sama ada secara sehalu-eksternal dan sehalu-internal antara PDA dan individu lain dalam jaringan sosial. Manakala bagi PDM, pola dorongan kumpulan PDM adalah lebih berbentuk sehalu-eksternal, iaitu dorongan untuk menderma darah diberikan oleh PDM kepada pihak luar. Sebaliknya mereka tidak menerima sebarang dorongan daripada pihak luar untuk terus kekal dalam aktiviti ini. Dapatan kajian ini memberi implikasi kepada pihak pengurusan bekalan darah bahawa jaringan sosial memainkan peranan yang penting terhadap pengekalan niat menderma darah dalam konteks pola sokongan dalam kalangan penderma darah tempatan. Kajian akan datang perlu mengkaji dengan lebih mendalam mengenai pola jaringan sosial memandangkan faktor ini didapati berupaya mengukuhkan faktor psikologikal dan konsistensi niat menderma darah dalam kalangan penderma darah.

Kata kunci: Penderma darah, pola dorongan, niat menderma darah

1.0 PENGENALAN

Bagi mengekalkan keinginan untuk menderma darah, adalah penting bagi seseorang penderma darah mendapat pemupukan niat menderma darah yang berterusan. Teori Tingkahlaku Terancang (TTT) atau Theory of Planned Behavior yang dipelopori oleh Ajzen (1991) telah mencadangkan bahawa niat berupaya menggerakkan tindakan seseorang untuk melakukan sesuatu yang diinginkan. Dalam erti kata lain, semakin kuat niat untuk melakukan sesuatu tindakan, maka semakin besar kebarangkalian bahawa tingkahlaku berkenaan dilakukan. Teori ini telah mengenalpasti tiga faktor utama yang menyumbang kepada pembentukan niat iaitu sikap, tanggapan terhadap kawalan tingkahlaku dan norma subjektif. Teori ini merumuskan bahawa semakin positif sikap seseorang terhadap tingkahlaku, semakin kuat tanggapan terhadap kawalan keinginan dan tekanan dalam norma subjektif, maka semakin kuat niat yang ada dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan.

Namun begitu, pergantungan semata-mata terhadap aspek psikologikal sebagai mekanisme pemupukan niat dalam diri penderma darah adalah tidak mencukupi

untuk memastikan keinginan berkenaan kekal dalam pemikiran penderma darah. Ini adalah kerana kajian-kajian lalu yang mengkaji hubungan antara faktor psikologikal terhadap niat darah semata-mata mendapati sumbangan varians faktor dalaman individu terhadap niat menderma darah adalah tidak konsisten, walaupun ia dikaji dalam konteks budaya yang sama (Armitage & Conner 2001; Lemmens et al. 2005; Giles et al. 2004; Conner & Sparks 2005; Godin et al. 2007; Lemmens et al. 2001; Godin & Kok 1996; Allesandrini 2007). Dapatan-dapatan kajian yang tidak konsisten ini menunjukkan bahawa faktor psikologikal bukan sebagai peramal terbaik terhadap pengekalan niat menderma darah yang konsisten. Maka beberapa pengkaji lalu telah mencadangkan agar aspek sosiologikal penderma darah perlu dikaji bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai pengekalan motivasi menderma darah (Nilsson Sojka & Sojka 2008; Allesandrini 2007; Glyn et al 2002).

Dalam konteks pengekalan niat dan tindakan menderma darah, pengkaji menjangkakan bahawa faktor dorongan dalam jaringan sosial adalah penting untuk membolehkan seseorang penderma darah konsisten dalam aktiviti ini. Ini adalah kerana melalui dorongan, penderma darah dapat mengekalkan motivasi berkaitan aspek dalaman dirinya terhadap aktiviti menderma darah. Justeru itu, jaringan sosial dapat dianggap sebagai elemen penting yang perlu ada pada seseorang penderma untuk terus kekal dengan tindakan menderma darah. Dalam konteks pendermaan darah, hasil daripada kajian-kajian lalu menunjukkan bahawa penderma darah turut mengenali penderma darah lain dalam pelbagai konteks jaringan sosial, seperti keluarga, rakan, jiran mahupun di tempat kerja (Royse 1999; Glynn et al. 2002; Zaller et al 2005). Namun, kajian-kajian ini tidak meneroka secara mendalam faktor dorongan yang mungkin wujud dalam jaringan sosial penderma darah ini. Dalam pada itu, dorongan untuk memotivasikan penderma darah kekal dalam aktiviti ini tidak boleh dianggap sama bagi semua penderma darah. Kajian-kajian seperti Masser et al. (2008) dan Ferguson & Chandler (2005) mendapati bahawa motivasi menderma darah adalah berbeza bagi kumpulan-kumpulan pendermaan darah yang berlainan berdasarkan bilangan pendermaan yang dilakukan. Dalam erti kata lain, motivasi untuk menderma darah berubah disebabkan faktor bilangan pendermaan darah yang dilakukan oleh seseorang. Justeru itu, kajian ini bertujuan meneroka faktor motivasi terhadap niat menderma darah iaitu pola dorongan dalam jaringan sosial penderma darah bagi dua kumpulan penderma darah, iaitu Penderma Darah Awalan (PDA) dan Penderma Darah Mapan (PDM).

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian eksploratori ini dijalankan untuk mengenalpasti pola dorongan dalam jaringan sosial terhadap pengekalan niat menderma darah bagi penderma darah tempatan. Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada kajian utama berkaitan faktor motivasi psikologikal dan jaringan sosial terhadap niat menderma darah. Kaedah temubual mendalam telah dijalankan ke atas 20 orang penderma

darah tempatan. Responden kajian telah diperolehi melalui persampelan mudah berstrata, di mana penderma darah yang menderma di Pusat Darah Negara (PDN), Kuala Lumpur semasa kajian ini dijalankan telah dijemput untuk menyertai kajian ini. Penderma darah yang berminat untuk menyertai kajian ini telah mengisi borang soal selidik yang mengandungi maklumat bilangan pendermaan darah yang telah dijalankan dalam tempoh 2010 hingga 2012. Responden yang memenuhi kriteria kajian iaitu 1) bukan penderma darah pertama kali dan 2) bukan penderma darah bersela (tidak menderma dalam tempoh 2010 hingga 2012) telah dihubungi untuk dijadikan responden kajian. Dalam akhir fasa pemilihan responden kajian ini, dua puluh orang penderma darah telah menyatakan persetujuan untuk terlibat sebagai responden (sebelas orang kaum Melayu, enam orang kaum Cina dan tiga orang kaum India). Responden kajian berusia dalam lingkungan 21 hingga 59 tahun semasa kajian ini dijalankan (empat belas responden lelaki dan enam responden perempuan). Jadual 1 merupakan ringkasan maklumat responden kajian. Nama responden telah diubah bagi menjamin kerahsiaaan. Dalam kertas kerja ini, responden telah dibahagikan kepada dua kumpulan berdasarkan bilangan pendermaan darah yang dilakukan di sepanjang penglibatan mereka dalam aktiviti ini, iaitu kumpulan penderma darah PDA (29 kali dan ke bawah pendermaan darah) dan PDM (30 kali dan ke atas pendermaan darah). Pengkategorian responden dalam dua kumpulan ini adalah berdasarkan saranan pengkaji terdahulu (Veldhuizen et al. 2009) yang membolehkan pengkaji meneroka peranan oleh jaringan sosial terhadap niat menderma darah responden kajian ini.

Sebanyak 12 sesi temubual secara berasingan telah dijalankan dalam tempoh tiga bulan (Julai hingga September 2012). Kebanyakan sesi temubual dijalankan di PDN, selain daripada di lokasi-lokasi yang bersesuaian dengan permintaan responden (restoran makanan segera, rumah responden atau kompleks membeli-belah). Setiap sesi temubual berlangsung dalam tempoh 35 minit hingga 2 jam. Soalan temubual separa-struktur dibina berdasarkan beberapa kajian lalu sebagai panduan (Lemmens et al. 2009; France et al. 2007; Charng et al. 1988; Godin et al. 2007; Masser et al. 2008). Temubual bersama responden kajian ini telah direkod menggunakan alat perakam suara yang kemudiannya telah dialih ke dalam bentuk penulisan. Maklumat temubual telah dianalisis menggunakan perisian Nvivo. Bagi kesahan data, pengkaji telah menggunakan empat kaedah iaitu semakan silang peserta kajian (participant's cross checking), pemerhatian, jejak audit dan semakan silang tinjauan kajian terdahulu.

Jadual 1: Profil responden kajian

Responden	Umur	Jantina	Status	Kaum	Bilangan pendermaan keseluruhan	Kategori Responden
RespondenA	26	Lelaki	Berkahwin	Melayu	8	PDA
RespondenB	59	Lelaki	Berkahwin	India	30	PDM
RespondenC	52	Lelaki	Berkahwin	Melayu	15	PDA
RespondenD	31	Lelaki	Berkahwin	Melayu	19	PDA
RespondenE	43	Lelaki	Berkahwin	Cina	19	PDA
RespondenF	23	Lelaki	Bujang	Melayu	6	PDA
RespondenG	31	Lelaki	Berkahwin	Melayu	30	PDM
RespondenH	33	Lelaki	Bujang	Cina	27	PDA
RespondenI	40	Lelaki	Berkahwin	Melayu	40	PDM
RespondenJ	51	Lelaki	Berkahwin	Cina	6	PDA
RespondenK	24	Lelaki	Bujang	Cina	9	PDA
RespondenL	59	Lelaki	Berkahwin	India	66	PDM
RespondenM	45	Lelaki	Berkahwin	India	16	PDA
RespondenN	32	Lelaki	Bujang	Melayu	19	PDA
RespondenO	29	Perempuan	Bujang	Melayu	19	PDA
RespondenP	38	Perempuan	Bujang	Melayu	19	PDA
RespondenQ	43	Perempuan	Berkahwin	Cina	23	PDA
RespondenR	45	Perempuan	Berkahwin	Cina	20	PDA
RespondenS	19	Perempuan	Bujang	Melayu	12	PDA
RespondenT	25	Perempuan	Bujang	Melayu	16	PDA

*PDA: Penderma Darah Awalan

*PDM: Penderma Darah Mapan

2.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian meliputi perbincangan temubual bersama PDA dan PDM bagi meneroka perspektif niat dan pola dorongan yang diterima oleh kedua-dua kumpulan ini.

3.1 Perspektif Terhadap Niat Menderma Darah dalam Kalangan PDA dan PDM

Berdasarkan temubual, didapati bahawa wujud tiga tema utama yang berkaitan niat untuk menderma darah dalam kalangan responden kajian. Niat digambarkan sebagai jangkaan-diri terhadap sesuatu tindakan (Armitage & Conner 2001). Dalam erti kata lain, niat merupakan gambaran terhadap tindakan yang ingin dilakukan oleh seseorang pada masa hadapan. Dalam kajian ini, jangkaan diri penderma darah terhadap aktiviti menderma darah digambarkan dengan tindakan mereka yang berkaitan dengan sela masa untuk menderma darah. Bagi RespondenH, jangkaan-diri digambarkan dengan sela masa tertentu "...I buat senang, (bulan) tiga, enam, sembilan and dua belas. I fix bulan tu lah. Setahun mesti empat kali." Sementara itu, RespondenC memperkembangkan perspektif niat menderma darah melalui jangkaan yang lebih jelas melalui pemerihalan terhadap lokasi, sela masa dan tindakan yang akan dilakukan "Saya akan di PDN lagi tiga bulan untuk derma darah".

Selain daripada jangkaan-diri yang bersifat spesifik, niat turut melibatkan aspek usaha dalam melaksanakan perancangan terhadap sesuatu tindakan (Ajzen 1991). Ini bermakna niat bukan sahaja melibatkan aspek jangkaan diri, namun ia turut meliputi usaha untuk melaksanakan sesuatu tindakan yang

diinginkan. Dalam kajian ini, RespondenI yang merupakan PDM didapati membuat pelarasan terhadap jadual kerja untuk membolehkan beliau menderma darah dalam masa yang telah dijangka, "Untuk derma darah akan datang, saya akan cari masa. Kalau hari kerja, kadang barang sampai lambat sikit, 10, 12, so datang pukul lapan...lepas tu masuk kerja terus." Perkara yang sama turut dilakukan oleh responden PDA iaitu RespondenQ, RespondenT dan RespondenE yang membuat penyesuaian terhadap jadual kerja dan niat untuk menderma darah.

Manakala bagi RespondenB menjelaskan bahawa niat untuk menderma darah adalah berkaitan dengan strategi. Bagi RespondenB, strategi yang diaplikasi untuk menderma darah adalah lebih kepada bentuk komunikasi pasif untuk mengekalkan beliau menderma darah. RespondenB mempersepsikan bahawa beliau tidak menerima sokongan ahli keluarga, maka membuatkan beliau memilih untuk tidak berkongsi perancangan jelas untuk menderma darah. "Jangan bagitahu (isteri). Senang saja. Jangan bagitahu. Diam-diam saja. Pergi keluar, kata ada kerja.. lepas tu selesaikan... balik, bila tengok tangan ada plaster, aa.. dah tahu lah yang saya pergi derma darah dah. Masa tu tak boleh kata apa dah. Sebab saya dah selesai menderma darah pun."

Ini bermakna bahawa bagi penderma darah, niat untuk menderma darah bukan sahaja berkaitan dengan perancangan, tetapi turut melibatkan strategi untuk melaksanakan tindakan menderma darah.

Dalam temubual ini, terdapat responden yang menggambarkan niat menderma darah melalui aspek kehendak (desire). Ia setara dengan pendapat oleh Gollwitzer, Heckhausen dan Steller (1990) yang menyatakan bahawa niat adalah keinginan atau kehendak (desire) yang merujuk kepada apa yang diinginkan oleh seseorang. Namun, dalam kajian ini aspek kehendak penderma darah untuk menderma darah juga dinyatakan melalui perkataan seperti "cuba" "kalau boleh" mahupun "kadang-kadang". Penggunaan perkataan-perkataan ini tidak menunjukkan perancangan mahupun strategi khusus untuk mencapai matlamat yang dikehendaki oleh responden. Penggunaan perkataan-perkataan ini tidak terhad kepada kumpulan tertentu responden kajian. Ini bermakna bahawa bagi PDA atau PDM, kedua-dua kumpulan turut mempamerkan keyakinan yang samar (tidak jelas) terhadap aktiviti menderma darah. Bagi RespondenR yang merupakan PDA menyatakan bahawa "Kalau boleh ke, dalam seumur hidup saya, saya teringin nak buat sekurang-kurangnya 60 kali.". Pendapat yang sama turut disuarakan oleh RespondenF dan RespondenE. Bagi RespondenG yang merupakan PDM, beliau turut mempamerkan niat beliau untuk menderma darah melalui perancangan yang tidak jelas melalui penggunaan kata-kata yang "kadang-kadang" dan ditegaskan dengan pernyataan "tak ada perancangan". Bagi RespondenG "Benda ni, derma ni saya buat macam setahun kadang-kadang dua kali, kadang-kadang tiga kali. Tak ada perancangan. Cuma kalau darah saya dah cukup matang dalam dua bulan, tiga bulan, saya akan menderma lah.

Maka, dalam kajian ini, perspektif terhadap niat menderma darah dalam kalangan responden kajian mencakupi tiga aspek utama iaitu jangkaan diri perancangan dan strategi dan keyakinan terhadap pelaksanaan keinginan untuk

menderma darah.

3.2 Pola Dorongan dalam Jaringan Sosial Penderma Darah.

Dalam kajian ini, didapati bahawa dorongan untuk responden menderma darah wujud samada dalam bentuk kata-kata galakan, pemberitahuan, peringatan untuk menderma, menasihati, membawa seseorang ke tempat untuk menderma darah mahupun dorongan tidak langsung. Pola dorongan antara responden dan individu lain adalah berbeza mengikut kategori penderma darah, sama ada PDA atau PDM.

3.2.1 Pola dorongan responden PDA dalam jaringan sosial.

Jadual 2 di bawah menggambarkan pola dorongan dwi-hala yang diterima oleh PDA dengan individu lain dalam jaringan sosial mereka. Dalam jadual berkenaan, didapati bahawa pola dorongan dwi-hala yang berlaku dalam jaringan sosial penderma darah PDA kajian ini lebih menjurus dalam konteks hubungan rakan dan ahli keluarga penderma darah. Dalam jadual berkenaan juha didapati bahawa memberikan peringatan mengenai aktiviti ini dan pergi bersama-sama untu menderma darah merupakan jenis dorongan yang paling banyak berlaku dalam jaringan sosial penderma darah PDA.

Jadual 2 : Pola Dorongan dwi-hala PDA dan individu dalam jaringan sosial

Responden	Memberi ingatan (lisan) untuk menderma darah.	Memberi galakan (lisan, media sosial atau sms) untuk menderma darah.	Pergi bersama menderma darah.
Responden dan keluarga penderma darah			
RespondenJ	√	-	√
RespondenK	√	-	√
RespondenQ	-	-	√
RespondenE	-	-	√
Responden dan rakan penderma darah			
RespondenA	√	√	√
RespondenC	√	√	√
RespondenF	√	√	-
RespondenO	√	√	√
RespondenP	√	√	√

Dalam kajian-kajian terdahulu, penderma darah mengakui mengenali penderma darah lain jaringan sosialnya (Nilsson Sojka & Sojka 2008; Glynn et al. 2002; Zaller et al 2005). Dalam kajian ini, temubual bersama PDA mendapati bahawa tindakan saling mendorong antara rakan penderma darah (dorongan dua hala) berupaya mengekalkan keinginan seseorang untuk terus menderma darah. Bagi RespondenC dan RespondenA yang sma-sama merupakan penderma darah dan rakan sepejabat, dorongan untuk menderma darah bersama-sama adalah lebih mudah dilakukan memandangkan mereka berada dalam satu lokasi tempat kerja yang sama. “Sampai masa dia, RESPONDENA akan cakap pada saya “bro, masa dah cukup nak derma lagi ni”. Lain daripada tu, dia akan sms la tentang nak menderma darah sama-sama ni. Jadinya, kami akan pergi sama-sama la

untuk derma darah. Saya pun macam tu jugak pada dia. Kira kami ni sama-sama la ingatkan”.

Manakala bagi jaringan sosial rakan penderma darah bagi RespondenP dan RespondenO, walaupun terdapat perbezaan status perkahwinan, tempat kerja dan kawasan perumahan, namun usaha saling mengingatkan waktu untuk menderma darah berjaya mengekalkan niat mereka untuk terus menderma darah. Bagi RespondenP, sebagai individu yang bekerja dan berhadapan dengan kekangan masa, namun dengan mempunyai rakan rapat sebagai penderma darah, maka tindakan tersebut boleh diteruskan. “Its good la, ada kawan yang remind kita...Kadang-kadang kita sibuk kerja, ada juga masa yang terlupa nak pergi menderma darah ni. So, good bila ada kawan yang ingatkan. RespondenO ingatkan saya, dan saya juga ada ingatkan dia untuk pergi menderma darah bila agak-agak dah sampai masa.”

Sementara itu, bagi pasangan RespondenE dan RespondenQ, dorongan dwi-hala yang berlaku dalam konteks hubungan mereka lebih menjurus kepada tindakan mereka bersama-sama pergi untuk menderma darah.

Sementara bagi RespondenF pula, beliau mempersepsikan tindakan saling mendorong ini bukan sahaja disebabkan oleh faktor minat, tetapi juga disebabkan oleh individu dalam jaringan sosial mempunyai nilai kesedaran yang sama terhadap aktiviti menderma darah. Selain RespondenF, responden RespondenS turut bersetuju bahawa faktor minat dan kesedaran yang sama dalam jaringan sosial rakan penderma darah adalah penting. Lagi satu saya ada galakan daripada member-member. Macam kita adalah, macam group yang lebih kepada kalau jumpa, mesti tanya“dah derma darah ke belum?, jom” orang kata ada kesedaran yang sama la tentang faedah bekalan darah. Itu la antara saya dengan kawan-kawan yang terlibat dalam aktiviti ni”

Penerimaan dorongan untuk menderma darah bukan sahaja berlaku dalam kalangan jaringan sosial rakan penderma darah. Jadual 4 di bawah menunjukkan pola dorongan sehalu yang berlaku dalam jaringan sosial PDA. Pola dorongan sehalu ini berlaku sama ada daripada pihak responden kepada individu luar, atau sebaliknya.

Jadual 3 : Pola Dorongan sehalah PDA dan individu dalam jaringan sosial

Responden	Memberi ingatan (lisan) untuk menderma darah.	Memberi galakan atau makluman iklan (lisan, media sosial atau sms) menderma darah.	Menemani menderma darah.	Bawa pergi menderma darah	Dorongan tidak langsung
Daripada Individu Lain kepada Responden (sehalah-internal)					
RespondenD	√ (isteri) ²	√ (abang) ¹	√ (isteri) ²	-	-
RespondenE	√ (isteri) ¹	-	√	-	-
RespondenF	-	√ (kakak) ¹	√	-	√ (dorongan pekerjaan)
RespondenH	-	√ (rakan) ²	√	-	-
RespondenI	-	√ (abang ipar) ¹	√ (isteri) ²	-	-
RespondenN	-	-	-	-	√ (dorongan pekerjaan)
RespondenQ	-	-	-	-	√ (Individu umum) ¹
Daripada Responden kepada Individu Lain (sehalah-eksternal)					
RespondenJ	-	√ (rakan) ³	-	-	-
RespondenK	-	√ (rakan) ³	-	-	-
RespondenM	-	-	-	√ (anak saudara) ¹	-
RespondenO	-	√ (rakan) ²	-	-	-
RespondenQ	-	√ (rakan) ²	-	-	-
RespondenR	-	√ (suami) ²	-	-	-
RespondenS	-	-	-	√ (rakan) ²	-
RespondenT	-	-	-	√ (rakan) ¹	-
Nota:					
1 = Penderma Darah					
2 = Bukan Penderma Darah					
3 = Umum (responden tidak menyatakan individu berkenaan Penderma Darah atau tidak)					

Dalam kajian ini, kebanyakan daripada pendorong dalam kumpulan PDA merupakan ahli keluarga. Melalui Jadual 3, turut didapati bahawa dorongan yang diterima datang daripada keluarga asas (isteri, abang mahupun kakak). Bagi RespondenD dan RespondenF, dorongan secara lisan daripada adik-beradik yang juga merupakan penderma darah adalah satu bentuk galakan untuk terus mengekalkan tindakan menderma darah.

Walaupun terdapat responden yang mempunyai ahli keluarga bukan penderma darah, namun PDA mempersepsikan bahawa ahli keluarga berkenaan turut memberikan dorongan dalam cara tersendiri. Bagi RespondenM, beliau tidak menerima tegahan daripada ahli keluarga lain terhadap penglibatan dalam aktiviti ini, malahan turut ditemani oleh isterinya semasa menderma darah. Misalnya RespondenM “Isteri saya oklah.. dia tak tegah, tak larang. Kadang-kadang dia cakap mau mari tengok saya derma (senyum). Cukuplah itu bagi saya. Itu pun saya dah rasa seronok sebab rasa macam dia bagi semangat pada saya untuk derma lagi-lagi”. Manakala bagi RespondenD pula, beliau bukan sahaja menerima dorongan melalui abangnya yang juga merupakan penderma darah “abang-abang saya antaranya yang suka derma darah, so bagi saya itu antara yang bagi semangat lah untuk menderma darah juga”, malah turut menerima dorongan secara langsung daripada isteri yang menolong mengingatkan untuk beliau menderma darah. “So, saya ingatkan kat orang rumah, kalau minggu ni tak sempat nak menderma darah, saya pasal derma darah ni.” minggu depan tolong ingatkan. So, orang rumah akan ingatkan lah. aa. dia akan remind kan”

Temubual kajian turut mendapati RespondenQ mengakui bahawa beliau terdorong untuk terus menderma darah disebabkan dorongan tidak langsung yang diterima daripada individu umum penderma darah yang tidak dikenali. “Saya nampak seorang lelaki Cina, buku dia sangat buruk, tapi saya nampak dia buka, dah 50 kali dia derma darah. Saya bercadang nak ikut dia. Itulah orang itu, pendorong saya... Saya tak kenal pun orang itu. Cuma saya nampak bukak buka, “hai.. dah lima puluh kali dah? Aku pun nak ikutlah” lepas tu I datang, tiga bulan sekali.” Dapatan ini menunjukkan bahawa dorongan untuk seseorang terus

menderma darah tidak semestinya perlu berlaku secara langsung (perbualan atau ajakan). Bagi RespondenN, jenis pekerjaan beliau memainkan peranan sebagai pendorong terhadap keinginan menderma darah “Saya kerja bomba. Accident yang saya tengok, banyak mangsa hilang darah, kan. Itu lagi memberi motivasi saya untuk menderma kan. so depan mata lah, tengok orang accident, selepas itu rasa nak menderma tu lagi menebal la, kan.” Bagitu juga dengan RespondenF yang merupakan bakal doktor perubatan menyatakan bahawa pengalaman menjalani latihan praktikal di hospital telah mendorong beliau untuk terus menderma darah.

Selain itu, tindakan mendorong individu lain untuk menderma darah bukan sahaja berlaku dalam kalangan jaringan sosial rakan penderma darah, malahan responden dalam kajian ini didapati turut mendorong individu lain, seperti rakan mereka untuk menjadi penderma darah. Bagi RespondenR yang menjadikan perkongsian pengalamannya semasa menderma darah sebagai dorongan kepada individu lain untuk menderma darah pertama kali. “Saya selalu sharing la. Saya suka sharing pengalaman masa saya derma darah dengan kawan-kawan dan nasihatkan diaorang, mana-mana yang tak pernah derma tu supaya datang derma darah.” Dapatan ini menunjukkan bahawa aspek pengalaman yang dialami semasa seseorang menderma darah boleh menjadi salah satu daripada faktor dorongan terhadap penglibatan dalam aktiviti menderma darah. Individu yang pernah mendengar pengalaman negatif daripada seseorang yang pernah menderma darah akan mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk tidak menderma darah (Farley & Stasson 2003). Ini adalah kerana persepsi negatif terhadap aktiviti menderma darah adalah tinggi dalam kalangan bukan penderma darah seperti kerisauan terhadap reaksi pitam, pengan, atau lemah selepas melakukan aktiviti ini (Newman et al. 2006).

Manakala bagi RespondenO, beliau menggunakan medium laman sosial untuk menarik rakan-rakan menderma darah “Lately ni lah, saya try promote dalam facebook saya. kalau dulu saya macam ada suruh kawan-kawan derma juga. Macam kita war-warkan juga. Inisiatif sendiri lah. saya akan cakap, you know “lets donate blood, lets spread love” saya akan cakap lah, sekarang ni even ahad pun buka. Macam nak motivate orang”. Medium yang sama juga turut digunakan oleh RespondenF dan RespondenQ untuk menggalakkan individu lain menderma darah.

Sementara RespondenE pula yang walaupun mengakui bahawa terdapat kemungkinan bahawa topik perbualan berkaitan pendermaan darah tidak menarik, namun beliau mengakui bahawa ada membicarakan topik berkenaan “Kawan kerja pun saya rasa dia orang tak minat dengan itu menderma darahlah.. tapi sometimes kalau kita bual-bual, kita ada cakap juga lah.” Menurut RespondenE, tindakan menderma darah walaupun telah diberikan pendedahan oleh pihak-pihak tertentu di negara ini, namun masih terdapat individu yang tidak mahu mencuba aktiviti ini disebabkan oleh perasaan negatif. Pendapat RespondenE mengenai persepsi negatif individu bukan penderma darah terhadap aktiviti ini

turut disokong oleh RespondenK “But what I know is a lot of my friends they don’t donate blood because mostly they do not want to commit. In a way they have a thinking that if they donate, what is the benefit. That kind of thinking.” Dapatan ini menunjukkan bahawa dorongan PDA kepada individu lain untuk menderma darah bukan suatu tindakan yang mudah kerana perlu berhadapan dengan persepsi negatif individu bukan penderma darah terhadap aktiviti ini.

Bagi RespondenS, RespondenT dan RespondenM, mereka turut menyatakan bahawa ada membawa individu lain untuk menderma darah. Bagi RespondenM “Anak kakak saya dua orang sudah bawa pergi derma dah. Dia orang baru dua kali ada derma...aa..saya ajak lah. First time dia takut lah. Second time dia oklah. Kita kasi darah, dia tengok. Kita steady dia pun ada berani sikit. Dua orang anak kakak adik beradik sudah ikut saya.tapi dia belum jadi aktif lah, baru sekali dua lah.” Bagi RespondenM, perasaan membawa anak saudara beliau menderma darah digambarkan sebagai “Gembiralah, sebab dia nak ikut. Bukan ikut saja, bila dia test boleh derma, bila dia orang cakap “boleh”..ha... yang itu, lagi seronok happy lah.”. Sementara RespondenS dan RespondenT pula mereka berpengalaman memberikn dorongan dengan membawa rakan masing-masing menderma darah.

Secara keseluruhan, temubual bersama PDA dalam kajian ini mendapati bahawa wujud beberapa pola dorongan dalam kalangan jaringan sosial sesama penderma darah. Pertama, kajian ini mendapati bahawa pola dorongan dua-hala berlaku dalam jaringan sosial penderma darah. Seterusnya, kajian ini turut mendapati bahawa PDA turut memberikan dorongan kepada individu bukan penderma darah, samada dalam konteks ahli keluarga, rakan mahupun individu umum. Akhir sekali, kajian ini mendapati bahawa niat menderma darah yang berterusan turut disebabkan oleh dorongan tidak langsung antara individu umum penderma darah dengan responden.

3.2.2 Pola dorongan responden PDM dalam jaringan sosial.

Dalam kajian ini, PDM tidak menerima dorongan dwi-hala dalam jaringan sosial mereka. Dalam masa yang sama, kajian ini mendapati pola dorongan kumpulan PDM adalah berbentuk sehalu, namun ia berlaku dalam konteks dorongan daripada responden kepada individu lain, dan bukan sebaliknya. Dalam Jadual 4 di bawah, didapati bahawa dorongan yang diberikan oleh kebanyakan PDM kepada individu lain dalam jaringan sosial mereka adalah daripada segi galakan untuk menderma darah.

Jadual 4 : Pola Dorongan sehalah PDM dan individu dalam jaringan sosial

Responden	Memberi ingatan (lisan) untuk menderma darah.	Memberi galakan atau maklumat iklan (lisan, media sosial atau sms) menderma darah.	Menemani menderma darah.	Bawa pergi menderma darah
Daripada Responden kepada Individu Lain (sehalah-eksternal)				
RespondenL	-	√ (Individu umum) ³	-	-
RespondenG	-	-	-	-
RespondenI	-	√ (rakan) ²	-	-
RespondenB	-	√ (anak) ¹	-	√ (anak) ¹

Nota:
1 = Penderita Darah
2 = Bukan Penderita Darah
3 = Umum (responden tidak menyatakan individu berkenaan Penderita Darah atau tidak)

Dalam temubual ini, didapati bahawa PDM lebih banyak memberi tumpuan terhadap mendorong individu lain untuk menderma darah. Misalnya, bagi RespondenB yang menyatakan bahawa beliau pernah mengajak anaknya untuk pergi menderma darah bersama beliau, tetapi tidak menggunakan penekanan yang serius untuk anaknya mengikut jejak beliau sebagai PDM “Ada juga lah ajak anak menderma darah sekali.. tapi regular tak ada lah. Dulu ada bawa dia, dua tiga bulan sekali. Ada dia pergi. Sesekali secara sukarela, kita bawa dia. Jangan kita paksa dia..tanya pada dia, “bapa nak pergi situ (PDN). Nak ikut tak?” aa.. sese kali bawa lah dia. Aaa,,dia kata “tak nak”..tak apa lah.. jangan dipaksa.” Selain itu, RespondenB turut mengakui bahawa beliau tidak menerima sokongan daripada ahli keluarga untuk mengekalkan niat menderma darah “Sokongan keluarga tak ada. Mereka tak kisah pun. Ada juga la saya ajak ahli keluarga untuk derma darah ni, tapi terpulanglah pada diri masing-masing. Kita nak ajak, bukan nak paksa. Kalau mereka nak ikut satu hari nanti, terpulanglah.” Ketiadaan sokongan daripada ahli keluarga terhadap aktiviti menderma darah juga turut disuarakan oleh RespondenI yang memberikan jawapan ringkas “Tiada” apabila ditanya mengenai dorongan untuk kekal menderma darah.

Walaupun tidak menerima sokongan daripada individu lain untuk mengekalkan niat menderma darah, namun terdapat PDM yang mengakui bahawa mereka ada mendorong individu lain untuk menderma. Bagi RespondenL, tindakan mendorong individu lain untuk menderma darah, walaupun turut dilakukan, namun mengakui bahawa fokus untuk menderma darah pada masa akan datang adalah terhadap dirinya. Dapatan ini menunjukkan bahawa bagi individu yang telah lama terlibat dalam aktiviti menderma darah, altruistik dan tumpuan diri (self-centered) adalah fokus dalam diri penderita darah. Dalam kajian ini, aspek tumpuan diri mempunyai hubungan dengan pengekaln perasaan positif yang dialami oleh PDM, selain daripada tumpuan terhadap faktor kesihatan diri sendiri. Bagi respondenL “Sometimes I told other people, “do la derma darah, its good for you”. But they thinking aa..”why darah kita nak bagi pada orang lain?” I cannot force them. For me, I just derma, I do it for myself, derma darah. Take care of myself, and think that I do something good to somebody. That’s all.”

Responden PDM turut mempersepsikan bahawa tindakan menderma darah yang dilakukan adalah disebabkan faktor keinginan diri sendiri. Bagi RespondenG, aspek keinginan diri sendiri tidak memerlukan dorongan samaada daripada luar mahupun tindakan mendorong orang lain untuk menderma darah. RespondenG mempersepsikan bahawa beliau tidak memberikan dorongan kepada individu lain untuk menderma darah dan dalam masa yang sama tidak memerlukan individu lain untuk mendorongnya menderma darah. "Setakat ni tak ada sesiapa yang saya ajak untuk derma darah. Semua saya sendiri. Tak ada sokongan daripada keluarga." Melalui temubual bersama RespondenG, didapati bahawa faktor diri sendiri iaitu keikhlasan membantu kepada individu yang memerlukan merupakan pendorong utama yang menyebabkan beliau terus menderma darah. Keikhlasan ni sebenarnya datang dari hati kita la. Apa tujuan kita menderma darah? Kita tanya pada diri kita. Tujuan kita untuk membantu pada yang memerlukan lah. Sebab kita pun digalakkan membantu pada yang memerlukan, macam saya, saya yang menggalakkan diri sendiri."

Sementara itu, bagi RespondenI, walaupun telah lama terlibat dalam aktiviti menderma darah, beliau turut menyatakan bahawa tindakan beliau mengajak individu lain tidak semestinya akan membuahkan hasil. "Bila kita ajak orang lain menderma darah, dia kata tak nak la.. takut la.. terpulang pada diri sendiri, belum tentu dia nak." Bagi RespondenI, ketiadaan ahli keluarga yang mendorong beliau untuk kekal menderma darah tidak bermakna beliau mengekalkan aktiviti menderma darah dalam konteks diri sendiri sahaja. Dalam temubual, didapati bahawa RespondenI ada memberikan dorongan kepada rakan penderma darah untuk bersama-sama menderma darah. Kadang saya tanya pada kawan yang memang penderma darah ni "kau dah ke belum? Kalau belum, jom, sekali jalan" pernah ada la sekali jalan tu. Tengok dia pun belum derma, walaupun tak kerap. dalam empat orang tu adalah saya ajak derma sekali dengan saya".

Pola dorongan kumpulan PDM dalam kajian ini lebih bersifat dorongan sehal-eksternal. Ini adalah kerana dalam temubual ini, PDM cenderung untuk melaporkan bahawa mereka tidak menerima dorongan untuk menderma darah daripada jaringan sosial mereka. Namun, PDM menyatakan bahawa mereka ada memberikan dorongan kepada individu lain dalam jaringan sosial mereka. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh faktor seperti PDM yang merupakan penderma darah yang telah lama menderma darah telah mempunyai identiti yang teguh sebagai penderma darah. Ini bermakna bahawa individu lain dalam jaringan sosial mereka telah mempersepsikan bahawa PDM yang telah mempunyai identiti sebagai penderma darah tidak perlu diberikan dorongan untuk menderma darah. Identiti sebagai penderma darah bukan sahaja dilihat dalam konteks peribadi, malahan juga melalui imej sosial (Stryker & Burke 2000; Rise et al. 2010). Justeru itu, terdapat kemungkinan bahawa individu PDM tidak memerlukan dorongan dalam bentuk lisan atau ajakan untuk mereka menderma. Selain itu, dalam kajian ini juga didapati bahawa PDM lebih cenderung untuk melaporkan faktor-faktor psikologikal yang mendorong mereka menderma darah.

Namun, kajian ini juga mendapati bahawa PDM turut memberikan dorongan kepada individu lain untuk menderma darah.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kajian ini mendapati bahawa PDA dan PDM mempunyai pola dorongan yang berbeza terhadap pengekaln niat menderma darah. Pola dorongan kedua-dua kumpulan berbeza daripada segi jenis dorongan yang diterima dan hala-tuju dorongan (direction). Bagi PDA, dorongan oleh individu luar samaada penderma darah atau bukan penderma darah merangkumi konteks keluarga, rakan mahupun individu secara umum. Selain itu, PDA dalam kajian ini turut menerima dorongan dalam bentuk ajakan lisan, peringatan mahupun motivasi secara tidak langsung untuk mengekalkan tindakan mereka menderma darah. Manakala bagi kumpulan PDM, kajian ini telah mendapati bahawa mereka tidak menerima dorongan daripada individu lain dalam sebarang konteks jaringan sosial. Namun, tindakan PDM yang telah lama dalam aktiviti menderma darah ini adalah disebabkan kekuatan keinginan diri sendiri dan tindakan mereka mendorong individu lain untuk menderma darah. Kajian ini memberi implikasi kepada pihak pengurusan bekalan darah bagi mengekalkan keinginan menderma darah dalam kumpulan penderma darah yang berbeza. Dapatan kajian ini yang menunjukkan wujud perbezaan pola dorongan bagi dua kumpulan penderma darah yang berbeza. Dapatan ini memberikan implikasi bahawa aspek jaringan sosial penderma darah mempunyai kepentingan peranan yang boleh dimainkan untuk mengekalkan keinginan menderma darah, terutama bagi mereka yang berada di peringkat awal penglibatan dalam aktiviti ini. Samaada di pihak penderma darah kepada individu lain, atau sebaliknya, tindakan memberi dan menerima dorongan telah dilihat sebagai kaedah yang berupaya mengekalkan keinginan untuk terus menderma darah. Selain itu, hasil kajian ini turut mendapati bahawa jenis pekerjaan dapat memberikan implikasi sebagai faktor pengukuhan terhadap niat menderma darah. Ini bermakna bahawa tumpuan untuk mendapatkan bekalan darah yang berterusan secara sukarela perlu memberi fokus kepada individu yang bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan keselamatan dan nyawa manusia lain, seperti bomba, doktor atau tentera. Sementara itu, bagi kumpulan PDM yang telah menderma lebih daripada 29 kali dalam sepanjang penglibatan mereka dalam aktiviti ini, kajian ini memberi implikasi bahawa peneguhan nilai-nilai dalaman seperti keikhlasan, altruism serta tumpuan diri berupaya mengekalkan keinginan mereka untuk menderma darah. Selain itu, tindakan PDM memberikan dorongan kepada individu lain untuk menderma darah memberikan implikasi bahawa jaringan sosial turut memainkan peranan terhadap pengekaln niat menderma darah PDM. Ini adalah kerana melalui tindakan memberikan dorongan kepada individu lain turut mendorong PDM untuk kekal menderma darah. Dalam erti kata lain, PDM perlu mengekalkan tindakan mereka menderma darah untuk membolehkan mereka memberikan dorongan kepada individu lain. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai tiga limitasi. Limitasi pertama

adalah kajian ini hanya mengambilkira pendapat penderma darah daripada tiga kaum utama di Malaysia, iaitu Melayu, Cina dan India. Seterusnya, kajian ini hany meneroka pendapat peribadi penderma darah melalui temubual. Ini bermakna bahawa dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar. Akhir sekali, penderma darah dalam kajian ini merupakan penderma darah berdaftar di Pusat Darah Negara (PDN), Kuala Lumpur yang menunjukkan bahawa dapatan mungkin berbeza jika temubual dijalankan ke atas penderma darah di lokasi pengumpulan bekalan darah yang berlainan. Bagi kajian akan datang, pengkaji menyarankan agar lebih banyak kajian berkaitan jaringan sosial penderma darah dijalankan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas berkaitan sumbangan aspek ini terhadap pengekaln niat menderma darah dalam kalangan penderma darah dalam kalangan penderma darah.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah menggunakan peruntukan daripada Dana Penyelidik Muda Universiti Kebangsaan Malaysia (GGPM 2013-013 yang diketuai oleh Dr Chong Sheau Tsuey). Pengumpulan data kajian ini telah mendapat kebenaran etika penyelidikan bertulis daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (No. Kebenaran: NMRR 12-863-13361). Penghargaan terima kasih ditujukan kepada pihak Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur serta responden kajian dan individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Ajzen, I. 1991. The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50; 179-211.
- Alessandrini, M. 2007. Community volunteerism and blood donation: Altruism as a lifestyle choice. *Transfusion Medicine Reviews*, 21(4), 307-316.
- Armitage, C.J. & Conner, M. 2001. Social cognitive determinants of blood donation. *Journal of Applied Social Psychology* 31(7):1431-1457.
- Charng, H., Piliavin, J.A., & Callero, P.L. 1988. Role identity and reasoned action in the prediction of repeated behavior. *Social Psychology Quarterly* 52(4):303-317.
- Lemmens, K.P.H., Abraham, C., Ruiter, R.A.C., et al. 2009. Modelling antecedents of blood motivation among non-donors of carrying age and education. *British Journal of Psychology* 100:71-90.
- France, J.L., France, C.R., Himawan, L.K. 2007. A path analysis of intention to redonate among experienced blood donors: an extension of Theory of Planned Behavior. *Transfusion* 47:1006-1013.
- Farley, S.D. & Stasson, M.F. 2003. Relative influences of affect and cognition on behavior: are feelings or beliefs more related to blood donation intentions? *Experimental Psychology* 50(1):55-62
- Ferguson, E. & Chandler, S. 2005. A stage model of blood donor behaviour: Assessing volunteer behaviour. *Journal of Health Psychology* 10(3): 359-372.
- Giles, M., McClenahan, C., Cairns, E., et al. 2004. An application of the Theory of Planned Behaviour to blood donation: the important of self-efficacy. *Health Education Research* 19(4):380-391
- Glynn, S.A., Kleinman, S.H., Schreiber, G.H., et al. 2002. Motivations to donate blood: demographic comparison. *Transfusion* 42:216-225.
- Godin, G., Conner, M., Sheeran, P., et al. 2007. Determinants of repeated blood donation among new and experienced blood donors. *Transfusion* 47: 1607-1615.
- Godin, G., Sheeran, P., Conner, M., Germain, M., Blondeau, D., Gagne, C., Beaulieu, D. &

- Naccache, H. 2005. Factors explaining the intention to give blood among the general population. *Vox Sanguinis* 89 140-149.
- Gollwitzer, P.M., Heckhausen, H. & Steller, B. 1990. Deliberate and implemental mindsets:
Cognitive tuning towards congruous thoughts and information. *Journal of Personality and Social Psychology* 59:1119-1127.
- Lemmens K.P., Abraham C., Hoekstra T. et al. 2005. Why don't young people volunteer to give blood? An investigation of the correlates of donation intentions among young non-donors. *Transfusion*, 45:945-55.
- Newman, B. 2006. Iron depletion by whole-blood donation harms menstruating females. *Transfusion* 46 1667-1681.
- Nilsson Sojka, B. & Sojka, P. 2008. The blood donation experience: self-reported motives and obstacles for donating blood. *Vox Sanguinis* 94:56-63
- Masser, B.M., White, K.M., Hyde, M.K., et al. 2008. The psychology of blood donation:
Current research and future directions. *Transfus Med Rev*, 22; 215-233.
Rise, J., Sheeran, P. & Hukkelberg, S. 2010. The role of self-identity in the Theory of
Planned Behavior: A meta-analysis. *Journal of Applied Social Psychology* 40(5):1085-1105.
- Royse, D. 1999. Exploring ways to retain first-time volunteer blood donors. *Research on Social Work* 9 (1) :76-85.
- Stryker, S. & Burke, P.J. 2003. The past, present and future of an Identity Theory. *Social Psychology Quarterly* 63(4):284-297.
- Veldhuizen, I.J., Doggen, C.J., Atsma, D.W.L. 2009. Donor profile demographic factors and their influence on the donor career. *Vox Sanguinis* 97:129-138.
- Zaller N, Nelson KE, Ness P., et al. 2005. Knowledge, attitude and practice survey regarding blood donation in a Northwestern Chinese city. *Transfus Med.*; 15:277-86.

Biodata Pembentang: Juliana Rosmidah binti Jaafar merupakan pelajar pasca-siswazah dalam bidang psikologi di Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Bangi, Selangor. Kajian beliau adalah berkaitan motivasi psikologi dan jaringan sosial penderma darah di Kuala Lumpur. Kini, beliau berada dalam peringkat akhir penulisan tesis.